

Cuti kelepasan am hari raya ditambah sehari lagi

Putrajaya: Kerajaan bersetuju memberi satu hari kelepasan am tambahan sempena Aidilfitri bagi memudahkan rakyat membuat perancangan sewajarnya untuk sambutan hari raya dan pulang ke kampung halaman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sekiranya 1 Syawal jatuh pada Jumaat (21 April) maka kerajaan menetapkan 24 April iaitu Isnin sebagai hari kelepasan am tambahan berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Seandainya tarikh 1 Syawal jatuh pada Sabtu (22 April), maka

kerajaan menetapkan hari Jumaat iaitu 21 April sebagai hari kelepasan am tambahan.

“Bagi Sabah dan Sarawak, kerajaan negeri bolehlah mengisytiharkan hari kelepasan am pada tarikh berkenaan mengikut Ordinan Hari Kelepasan Am masing-masing,” katanya.

Pengumuman rasmi berhubung tarikh 1 Syawal 1444H untuk sambutan Aidilfitri akan dibuat esok oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Perdana Menteri turut mengumumkan Jabatan Penjara akan melaksanakan pelepasan Orang Bebas Berlesen (OBB) di bawah Program Pelepasan Banduan Se-

cara Lesen (PBSL) Ihsan MADANI atau Kepulangan Yang Dinanti sempena Aidilfitri.

Katanya, ikhtiar itu memberi peluang kepada penghuni penjara beragama Islam untuk merayakan Aidilfitri bersama keluarga mereka.

“Pelepasan OBB ini dilaksanakan di seluruh institusi Penjara Malaysia membabitkan pelepasan lebih 1,000 OBB sepanjang Ramadan dan Syawal ini.

“Ia bagi membolehkan penghuni penjara merayakan Aidilfitri bersama keluarga tercinta selain penghuni lain juga berpeluang mengeratkan hubungan kekeluargaan,” katanya.